

02/05/1999

Malaysia tidak akan tunduk

Ahmad Fauzi Mustafa

JOHOR BAHRU: Kerajaan Malaysia mengulangi pendirian untuk tetap tidak tunduk pada media asing yang dilihat masih berterusan mencemuh negara ini melalui media cetak dan elektronik termasuk Internet.

Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat menegaskan sejak perkembangan teknologi maklumat (IT) semakin pesat, media asing tidak henti-henti memburukkan Malaysia.

Katanya, mereka (media asing) nampaknya mempunyai agenda tertentu untuk menjatuhkan negara ini tidak kira apa cara sekali pun.

"Televisyen, radio, majalah dan akhbar asing sering kali melaporkan keadaan yang tidak baik di negara ini tetapi sebelum itu, laporan mereka dahulu cukup positif.

"Malah, media asing sendiri pernah menyuarakan serta mengakui kehebatan Malaysia di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya dalam majlis Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Tebrau, di sini, semalam.

Mohamed yang juga Ahli Parliman Pulai berkata, perpaduan kaum yang utuh sebenarnya menjadi asas kepada kejayaan Malaysia selama ini.

Menurut beliau, kerajaan mempunyai strategi tertentu untuk menangkis semula serangan media asing bagi meyakinkan arena antarabangsa bahawa negara ini masih stabil dalam pelbagai aspek.

"Penggunaan IT termasuk Internet akan digunakan seluasnya bagi membetulkan semula laporan negatif terhadap negara ini," katanya.

Mengenai keutuhan Umno selama ini, beliau berkata, perjuangan parti sekarang memberi kenikmatan kebebasan politik paling besar dan Umno berjaya membuktikannya.

"Bukan saja bagi kepentingan orang Melayu tetapi untuk semua kaum, negara serta masalah serantau yang mempunyai kepentingan. Suara dan pendirian Umno yang digunakan kerajaan adalah hasil daripada perjuangan parti sepanjang masa.

"Kita sendiri yang menentukan keadaan dalaman negara ini kerana baik dan buruk adalah tanggungjawab rakyat khusus kepada ahli Umno dan Barisan Nasional (BN).

"Umno tidak mahu waktu baik, ahli berasa hebat tetapi apabila berlaku waktu kegawatan, ahli parti mula kecewa, bingung dan tidak tentu arah," katanya.

Di negara ini, Mohaeed menegaskan rakyat selepas waktu kemerdekaan sudah menikmati waktu senang bagi tempoh yang panjang.

Menurutnya, cuma generasi tua saja yang merasai tetapi jumlah mereka semakin kecil dan tersisih dan ada sekadar tinggal kenangan.

"Kita mesti ingat, mana-mana perjuangan mesti ada zaman senang dan susah. Seseorang pemimpin perlu mengenali zaman susah bagi mematangkan dirinya dalam usaha mencari jalan terbaik," katanya.

(END)